

Jenis Akhbar : Bernama  
Tarikh : 28/07/2022  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
Tajuk : ESKOM 2022 Sasar Nilai Jualan RM1.2 Juta

## EKSKOM 2022 Sasar Nilai Jualan RM1.2 Juta



- 28 Julai 2022 @ 01:21 AM

SERDANG, 27 Julai (Bernama) -- Ekspo Koperasi Malaysia (EKSKOM) di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC), Seri Kembangan yang diadakan sempena Hari Koperasi Negara 2022 menasaskan nilai jualan sebanyak RM1.2 juta sepanjang tempoh penganjurannya dari 28 hingga 31 Julai ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM500,000 disasarkan daripada nilai jualan makanan dan minuman menerusi Festival Makanan Asia.

“Penganjuran EKSKOM 2022 bertujuan mengukuhkan peranan sektor koperasi sebagai jentera pembangunan ekonomi rakyat untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat menerusi keusahawanan koperasi bagi menangani cabaran peningkatan kos sara hidup dan memperkasa rantaian bekalan negara,” katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau berkata antara tumpuan utama EKSKOM 2022 adalah program keusahawanan dan perdagangan seperti sesi pepadanan perniagaan, demonstrasi produk, ‘pocket talk’, ‘business coaching’ dan jaringan dagangan.

Abdul Fattah berkata ekspo tersebut membawakan 359 pempamer terdiri daripada koperasi tempatan dan antarabangsa termasuk dari Thailand, Kemboja, Indonesia, Korea dan Filipina, agensi kerajaan, syarikat swasta dan multinasional.

“Seramai 2,000 pengunjung perdagangan dan 30,000 pengunjung tempatan dijangka mengunjungi EKSKOM 2022,” katanya.

Pelbagai program menarik dan mesra rakyat turut diatur seperti Jualan Harga Patut, pameran produk dan perkhidmatan koperasi, persembahan budaya dan teater muzikal, peluang pekerjaan menerusi program ‘jom cari kerja’ dan ceramah agama.

“Pengunjung boleh mendapatkan barangan keperluan harian gula pasir kasar 1kg yang dijual dengan harga RM2, minyak masak 5kg pada harga RM38 dan minyak masak 1kg berharga RM2,” katanya.

EKSKOM 2022 anjuran bersama Angkasa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah kemuncak kepada sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK) yang diterajui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi menyemarakkan sambutan 100 tahun gerakan koperasi negara.

- BERNAMA